

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kenapa pembinaan mini Stadium di Kg Beringgis Papar yang sudah diluluskan dalam RMK-11 sebanyak RM10 Juta tidak diluluskan hanya kerana tapak yang tersedia ada agak mahal untuk diuruskan sedangkan keperluan mini stadium ini sangat mendesak untuk kemudahan sekolah-sekolah dan penduduk umum di daerah Papar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan semula Stadium Mini Papar telah ditangguhkan pelaksanaan disebabkan keadaan tapak yang dicadangkan memerlukan kos yang tinggi bagi kerja tanah sekali gus tidak kos efektif bagi projek tersebut. Kementerian ini bersedia untuk mempertimbangkan pelaksanaan semula Stadium Mini Papar di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) sekiranya tapak yang sesuai dikenal pasti serta mendapat kerjasama yang baik daripada Pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Walaupun tanpa stadium mini, sebanyak 6 program belia, sukan dan rakan muda telah dilaksanakan di Daerah Papar sepanjang 2019. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Nama Program</b>	<b>Tempat Pelaksanaan</b>
1.	17 Oktober 2019	Program Bulan Sukan Negara	SK Pekan Bongawan
2.	15 Oktober 2019	Program Bulan Sukan Negara	SK Tempasak Papar
3.	11 Oktober 2019	Program Bulan Sukan Negara	SK Pekan Kimanis
4.	14 Jun 2019	Program Kerohanian Bersama Persatuan Belia Kg. Kabang Papar	Masjid Kg. Kabang, Papar
5.	18 Mei 2019	Program Gaya Hidup Sihat	Padang Pekan Papar
6.	17 – 19 April 2019	Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO) Tahap 1	Mandalipau White Water View & Fish Pond, Papar

Sekian, terima kasih.